

MAHATHIR-PENGERUSI

1979

75

IPOH, 3 JUN (BERNAMA)--DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD SEDANG MENIMBANG MELEPASKAN JAWATAN PENGERUSI-PENGERUSI UMNO DAN BARISAN NASIONAL PERAK.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MEMBERITAHU PARA PEMBERITA DI LAPANGAN-TERBANG DI SINI TERSERAHLAH KEPADA PRESIDEN UMNO DATUK HUSSEIN ONN YANG JUGA PENGERUSI KEBANGSAAN BARISAN NASIONAL UNTUK MEMBUAT KEPUTUSAN MUKTAMAD MENGENAINYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG MENEMUI PARA PEMIMPIN BARISAN NASIONAL NEGERI DAN MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT JAWATANKUASA PERHUBUNGAN UMNO NEGERI DI SINI MALAM TADI BERKATA KEPUTUSAN MENGENAINYA HANYA AKAN DIDUAT SELEPAS PERHIMPUNAN AGUNG UMNO.

MENTERI BESAR PERAK DATUK SERI HAJI WAN MOHAMAD HAJI WAN TEH JALAH TIMBALAN PENGERUSI UMNO DAN TIMBALAN PENGERUSI BARISAN NASIONAL NEGERI.

+ SAYA FIKIR TIDAKLAH PERLU BAGI SAYA BERADA DI SINI KERANA PERAK POLEH MENJAGA DIRINYA SENDIRI, + TAMBAHNYA.

DITANYA SIAPAKAH YANG AKAN MENGAMBIL ALIH KEDUA-DUA JAWATAN ITU DARIPADANYA, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA ORANG TERSEBUT JALAH YANG DAPAT BERADA DI SINI SEPENUH MASA.

KATANYA, IA TIDAK DAPAT MELAWAT PERAK BEGITU KERAP.
—BERSAMBUNG 1320/AH

SC

B521

MAHATHIR-PENGERUSI 2 IPOH

MENGENAI MESYUARAT UMNO MALAM TADI, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA IA TELAH MEMBINCANGKAN TENTANG PERLUNYA NEMEMPATKAN KUIL DI KAWASAN DI MANA IA BOLEH DIJAGA OLEH ORANG RAMAI.

KATANYA, UMNO MENENTANG MEREKA YANG MEROSAKKAN TEMPAT-TEMPAT IBADAT TETAPI KEADAAN KUIL-KUIL YANG TERPENCIL MENIMBULKAN TARIKAN BAGI MEREKA YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SETENGAH-SETENGAH KUIL TERLETAK JAUH DARI JALAN YANG MEMUDAHKAN MEREKA YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB MEMUSNAHKANNYA DAN LARI.

KATANYA, KUIL-KUIL YANG DITEMPATKAN DI KAWASAN-KAWASAN TIDAK MEMPUNYAI PENDUDUK AKAN MENYUKARKAN PIHAK POLIS MENJAGANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA ADALAH MENASABAH BAGI MENGGUNAKAN UNDANG-UNDANG KESELAMATAN DALAM NEGERI (ISA) SEPERTI YANG DISEBUT OLEH KETUA POLIS NEGARA TAN SRI HANIFF OMAR JIKA KEGIATAN SEUMPAMA ITU MENIMBULKAN KETEGANGAN DAN MENGANCAM KESELAMATAN NEGARA.

—BERNAMA 1324/AH